



PEJABAT KETUA PENDAFTAR
Office of the Chief Registrar
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
Federal Court of Malaysia
ISTANA KEHAKIMAN
PRESINT 3
62506 PUTRAJAYA

"BUAT KERJA"

Telefon : 03-88803782
03-88803500
03-88803700
Faks : 03-88803886

Laman Web : <http://www.kehakiman.gov.my>

Ruj Tuan :
Your Ref :

Ruj. Kami : JK/MP 38 Jld.5
Our Ref :

Tarikh :
Date : 23 April 2010

Pendaftaran Mahkamah Rayuan

Pendaftaran Mahkamah Tinggi Malaya

Pendaftaran Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak


Presiden Majlis Peguam
No. 5, Jalan Tun Perak
50050 KUALA LUMPUR

Presiden Persatuan Undang-Undang Sabah
3rd Floor, 120 Gaya Street,
88000 Kota Kinabalu,
SABAH

Presiden Advocates Association of Sarawak
c/o Mahkamah Tinggi Kuching
Jalan Gersik
93050 Kuching
SARAWAK

Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya/Sabah dan Sarawak
Seluruh MALAYSIA

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,



ARAHAN AMALAN BIL. 3 TAHUN 2010
GARIS PANDUAN DAN TANGGUNGJAWAB PEGUAM-PEGUAM YANG DILANTIK
OLEH MAHKAMAH BAGI KES-KES KESALAHAN HUKUMAN MATI

Arahan Amalan ini dibuat bagi memberikan panduan kepada Pendaftar dan juga Peguam Lantikan Mahkamah bagi kes-kes hukuman mati mengenai tatacara pelantikan.

1. PELANTIKAN

- 1.1 Setiap Peguambela dan Peguamcara Mahkamah Tinggi yang beramal di Malaya, Sabah dan Sarawak, mempunyai sijil amalan yang sah bagi tahun tersebut, dan memenuhi kelayakan sebagaimana yang dinyatakan dibawah dan telah menyatakan hasratnya untuk menjadi peguam lantikan Mahkamah boleh berbuat demikian dengan mengemukakan Borang 1A untuk dilantik oleh Mahkamah. Nama peguam tersebut hendaklah disenaraikan di dalam Daftar Peguam Lantikan Mahkamah yang disimpan oleh Majlis Peguam Malaysia, Persatuan Undang-Undang Sabah dan Advocates Association of Sarawak.

Sesalinan borang tersebut hendaklah diserahkan kepada Pejabat Ketua Pendaftar untuk rujukan. Setiap Majlis Peguam hendaklah mengemukakan senarai nama-nama peguam yang dilantik oleh mana-mana mahkamah yang telah dikemaskinikan setiap tahun kepada Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan, Timbalan Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan, Pendaftar Mahkamah Rayuan, Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya dan Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak.

- 1.2 Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan, Timbalan Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan, Pendaftar Mahkamah Rayuan, Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya dan Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak mempunyai kuasa untuk memilih mana-mana Peguambela dan Peguamcara yang telah didaftarkan sebagai Peguam Lantikan Mahkamah oleh Majlis Peguam untuk dilantik bagi mewakili mana-mana tertuduh dalam kes-kes hukuman mati.
- 1.3. Pelantikan Peguam boleh dibuat di mana-mana peringkat prosiding jenayah oleh Pendaftar-Pendaftar Mahkamah. Walaubagaimanapun adalah lebih wajar sekiranya pelantikan tersebut di buat sebaik sahaja tertuduh di tuduh melakukan kesalahan yang membawa hukuman mati di Mahkamah Tinggi ataupun tertuduh telah memfailkan rayuan terhadap sabitan hukuman mati di Mahkamah Persekutuan atau di Mahkamah Rayuan sebagaimana kes tersebut.
- 1.4. Bagi tujuan untuk mempercepatkan perbicaran rayuan kes-kes hukuman mati yang dirayu ke Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan, keutamaan hendaklah diberikan kepada peguam yang mewakili tertuduh di peringkat Mahkamah bicara, dan ini adalah tertakluk kepada persetujuan antara tertuduh dan peguam tersebut. Perkara ini hendaklah di maklumkan kepada Pendaftar Mahkamah Rayuan, Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya, Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah dan

Sarawak dan Timbalan Pendaftar Mahkamah Persekutuan oleh peguam tersebut untuk mempercepatkan proses pelantikan.

- 1.5 Bagi kes-kes di mana tertuduh mengaku salah kepada pertuduhan yang dikurangkan dan Mahkamah telah melantik peguam, pelantikan adalah berterusan bagi tujuan untuk mewakili tertuduh dalam prosiding pengakuan salah tersebut.
- 1.6. Jika mana-mana tertuduh menuntut untuk dibicarakan terhadap pertuduhan yang telah dikurangkan, yang tidak membawa kepada hukuman mati, maka pelantikan tidak akan diteruskan.

2. KELAYAKAN

- 2.1 Untuk dilantik sebagai Peguam Lantikan Mahkamah, seorang Peguambela dan Peguamcara hendaklah memenuhi kriteria berikut:-
 - a) hendaklah secara aktif mengendalikan kes-kes jenayah untuk tempoh 3 tahun sebelum pelantikan; dan
 - b) dalam tempoh 3 tahun tersebut telah secara sendiri atau pun membantu peguamcara lain mengendalikan tiga kes yang melibatkan hukuman mati

2.2 Pengalaman terdahulu Peguambela dan Peguamcara sebagai hakim atau sebagai Timbalan Pendakwaraya atau Peguam Persekutuan atau sebagai Pegawai Kehakiman & Perundangan boleh diterima sebagai syarat kelayakan.

3. PENERIMAAN PELANTIKAN

3.1. Apabila Peguamcara dan Peguambela telah menerima pelantikan tersebut, beliau hendaklah menyempurnakan pelantikan tersebut dengan setakat dia berupaya (to the best of his ability). Seseorang peguam yang telah menerima pelantikan tidak boleh menarik diri melainkan terdapat permintaan oleh tertuduh sebelum perbicaraan dimulakan dan dengan kebenaran Mahkamah.

4. KEMASUKAN DALAM DAFTAR PEGUAM LANTIKAN MAHKAMAH

4.1 Untuk dimasukkan dalam Daftar Pelantikan Peguam oleh Mahkamah, Peguambela dan Peguamcara hendaklah mengisi Borang A1 dan menghantarnya kepada Jawatankuasa Peguam Negeri yang berkenaan dan seterusnya kepada Majlis Peguam Malaysia atau Persatuan Undang-Undang Sabah atau Advocates Association of Sarawak.

Sesalinan borang tersebut hendaklah dihantar kepada:

a) Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia; atau

- b) Pendaftar Mahkamah Rayuan; atau
- c) Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya; atau
- d) Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak; dan

mengesahkan kelayakannya sebagaimana di nyatakan di perenggan 2 dan juga menyatakan persetujuannya untuk bertindak sebagai peguam lantikan Mahkamah.

5. TANGGUNGJAWAB PEGUAM LANTIKAN MAHKAMAH

- 5.1. Apabila seorang peguambela dan peguamcara telah menerima pelantikan tersebut, peguambela dan peguamcara tersebut hendaklah memastikan bahawa beliau bersedia untuk mewakili tertuduh di mana-mana peringkat prosiding perbicaraan ataupun peringkat rayuan sebagaimana kes tersebut.
- 5.2. Tugas dan tanggungjawab Peguam Lantikan Mahkamah hendaklah termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut :
 - a) untuk mengendalikan kes dengan tekun dan berkesan pada setiap masa perbicaraan ataupun rayuan terhadap tertuduh sebagaimana kes tersebut;

- b) untuk menjalankan sesi temuramah dengan tertuduh bagi mendapatkan arahan lengkap sebelum perbicaraan dimulakan dan menyimpan rekod-rekod tersebut;
- c) untuk mempertimbangkan samada representasi perlu dibuat kepada Jabatan Peguam Negara dan jika ya, membuat permohonan dalam tempoh masa yang munasabah; dan
- d) tidak memberikan kes tersebut kepada peguam lain ,kecuali dengan kebenaran Mahkamah.

6. SARAAN

- 6.1 Di akhir setiap prosiding perbicaraan, Peguam Lantikan Mahkamah akan dibayar yuran perkhidmatannya sebagaimana skala yang ditetapkan di dalam Arahan Amalan Bil. 2 Tahun 2010 atau apa-apa pindaan yang dibuat dari masa ke semasa.
- 6.2 Tuntutan hendaklah dibuat melalui surat kepada Pendaftar Mahkamah yang berkenaan dengan mengisi borang sebagaimana di Appendix A dengan melampirkan bersama dokumen berikut :-
 - (i) Surat Pelantikan sebagai Peguam Lantikan Mahkamah;
 - (ii) Perintah bermetrai dari Mahkamah yang berkenaan dan

(iii) Butir-butir tuntutan seperti jumlah hari perbicaraan, bayaran fotokopi, bayaran talipon/faks/pos dan perbelanjaan perjalanan.

6.3 Peguambela dan Peguamcara dikehendaki menyimpan rekod berkenaan masa yang digunakan ketika perbicaraan di Mahkamah dan menemuduga tertuduh, diskripsi kertas kerja yang telah dibuat dan salinan-salinan hujahan serta ikatan autoriti yang telah dikemukakan pada mahkamah.

6.4 Pendaftar Mahkamah yang berkenaan boleh memohon untuk mendapatkan penjelasan yang spesifik ataupun dokumen-dokumen yang diperlukan oleh Jabatan Akauntan Negara sebelum tuntutan boleh diluluskan.

6.5 Jika Peguambela dan Peguamcara yang mewakili tertuduh mempunyai 2 kes yang didaftarkan dibawah nombor rayuan yang berlainan dan kes didengar secara bersama, tuntutan untuk "getting up" akan hanya dibayar bagi satu kes sahaja. Lain-lain perbelanjaan out of pocket akan dibayar sewajarnya.

7. PEGUAM LANTIKAN MAHKAMAH UNTUK KES-KES SELAIN DARI HUKUMAN MATI

7.1 Demi kepentingan keadilan Mahkamah Persekutuan atau Mahkamah Rayuan, mengikut budibicaranya, boleh melantik mana-mana peguambela dan peguamcara seperti yang dinyatakan dalam Daftar Pelantikan

Peguam Oleh Mahkamah untuk mengendalikan rayuan mana-mana tertuduh yang tidak diwakilili peguam dalam kes-kes yang tidak membawa kepada hukuman mati.

8. NOTA KETERANGAN

8.1 Nota Keterangan hendaklah di bekalkan kepada peguambela dan peguamcara atas permohonan tanpa dikenakan kos .

9. DAFTAR PEGUAM LANTIKAN MAHKAMAH

9.1 Majlis Peguam Malaysia hendaklah menyelenggara, menyimpan dan mengemaskinikan Daftar Peguam Lantikan Mahkamah sebagaimana dirujuk di dalam Arahan Amalan ini.

9.2 Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan, Pendaftar Mahkamah Rayuan, Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya dan Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak mempunyai budibicaranya untuk memilih mana-mana peguam daripada Daftar Peguam Lantikan Mahkamah tanpa memberikan sebab-sebab pemilihan.


9.3 Majlis Peguam Malaysia boleh mengeluarkan nama mana-mana peguam yang di daftar dalam Daftar Peguam Lantikan Mahkamah jika ianya adalah sesuai dan hendaklah menyerahkan senarai yang telah dikemaskini kepada Ketua Pendaftar, Pendaftar Mahkamah Rayuan,

Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya dan Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah & Sarawak untuk mereka membuat pilihan.

10. HAL-HAL LAIN

- 10.1 Pihak Mahkamah, Majlis Peguam, Persatuan Undang-Undang Sabah, Advocates Association of Sarawak dan Jawatankuasa Peguam Negeri boleh, apabila perlu meminta peguambela dan peguamcara mengemukakan apa-apa maklumat bahawa peguambela dan peguamcara tersebut adalah layak untuk didaftarkan sebagai Peguam Lantikan Mahkamah berdasarkan kepada Arahan Amalan ini.
- 10.2 Jika terdapat mana-mana keadaan tidak diliputi oleh garis panduan ini, Peguambela dan Peguamcara hendaklah bertindak demi kepentingan tertuduh dengan mengambilkira tanggungjawab utamanya sebagai pegawai mahkamah adalah bagi membantu Mahkamah mentadbirkan keadilan.

Arahan Amalan ini adalah berkuatkuasa 1 April 2010.



(DATUK HASNAH BINTI DATO' MOHAMMED HASHIM)

Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

s.k.

YAA Ketua Hakim Negara.

YAA Presiden Mahkamah Rayuan.

YAA Hakim Besar Malaya.

YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak

YA – YA Hakim
Mahkamah Persekutuan Malaysia.

YA – YA Hakim
Mahkamah Rayuan Malaysia.

YA – YA Hakim / Pesuruhjaya Kehakiman
Mahkamah Tinggi Malaya / Sabah dan Sarawak
Seluruh Malaysia.

Timbalan Ketua Pendaftar.

Bahagian Pentadbiran Kehakiman, Mahkamah Persekutuan Malaysia.

Perpustakaan Mahkamah Persekutuan Malaysia.

BORANG 1 A

MAJLIS PEGUAM
 No.13,15 & 17, Leboh Pasar Besar
 50050 Kuala Lumpur
 Peti Surat 12478
 50780 Kuala Lumpur
 Tel: 03-2031 3003
 Fax: 03-2034 2825/2026 1313/ 20725818

Tuan/Puan,

LANTIKAN PEGUAM OLEH MAHKAMAH DALAM KES YANG MELIBATKAN HUKUMAN MATI

Saya maklum bahawa tidak ramai peguam yang sanggup untuk dilantik oleh Mahkamah untuk mengendalikan kes bagi tujuan di atas dan saya dengan ini bersetuju untuk meletakkan nama saya di dalam senarai Peguam Lantikan Mahkamah yang akan dikemukakan kepada Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan, Pendaftar Mahkamah Rayuan dan Pendaftar Mahkamah Tinggi mengikut keadaan kes tersebut. Saya akan memastikan bagi setiap tahun saya akan mengendalikan paling kurang satu kes seperti yang telah ditetapkan oleh Mahkamah.

1. Nama :
2. Jantina :
3. Firma Guaman :
4. Alamat Firma Guaman :
-
-
5. Tarikh Penerimaan Masuk :
6. Bahasa/ Dialek pertuturan :
7. Tempoh masa beramal sebagai peguambela:

(Sila nyatakan jika anda sebelum ini adalah bekas pegawai kehakiman, timbalan pendakwaraya atau peguam persekutuan)

- i. Mahkamah Majistret [] iv. Mahkamah Rayuan []
ii. Mahkamah Sesyen [] v. Mahkamah Persekutuan []
iii. Mahkamah Tinggi []

8. Pilihan bidang pekerjaan:

- [] Perbicaraan (Mahkamah Tinggi)
[] Rayuan (Mahkamah Rayuan)
[] Rayuan (Mahkamah Persekutuan)

9. Pilihan kes:

- [] Keselamatan Dalam Negeri
[] Dadah
[] Bunuh
[] Penculikkan
[] Senjata api

10. Bidang kuasa:

- [] Sanggup untuk hadir
[] Dalam lingkungan negeri atau Bandar yang sama dimana saya beramal
[] Sanggup untuk kerja luar kawasan (negeri lain)

Tarikh

Tandatangan

*Permohonan ini tertakluk kepada panduan pelantikan dan tanggungjawab peguam lantikan mahkamah dalam kes yang melibatkan hukuman mati, yang dilampirkan di sini

APPENDIX A

**KENYATAAN TUNTUTAN ELAUN MENJALANKAN TUGAS SEBAGAI
 PEGUAMBELA YANG DILANTIK OLEH MAHKAMAH PERSEKUTUAN /
 RAYUAN / TINGGI BAGI RAYUAN JENAYAH / KES JENAYAH NO KES :
 _____ DI MAHKAMAH _____**

ANTARA

... PERAYU / TERTUDUH

DAN

... RESPONDEN

NAMA PEGUAM :

ALAMAT PEJABAT :

NAMA BANK :

NO. AKAUN :

Elaun bagi Bulan _____ - **TUNTUTAN UNTUK PERJALANAN**

TARIKH	MASA BERMULA / BERAKHIR	PERKARA / TUGAS	JUMLAH
	JUMLAH		

Tandatangan Peguam Yang Menuntut :

Cop Firma :

APPENDIX A

**KENYATAAN TUNTUTAN ELAUN MENJALANKAN TUGAS SEBAGAI
 PEGUAMBELA YANG DILANTIK OLEH MAHKAMAH PERSEKUTUAN /
 RAYUAN /TINGGI BAGI RAYUAN JENAYAH / KES JENAYAH NO KES :
 _____ DI MAHKAMAH _____**

ANTARA

... PERAYU / TERTUDUH

DAN

... RESPONDEN

NAMA PEGUAM :

ALAMAT PEJABAT :

NAMA BANK :

NO. AKAUN :

Elau bagi Bulan _____ - TUNTUTAN MENJALANKAN TUGAS

TARIKH	MASA BERMULA / BERAKHIR	PERKARA / TUGAS	JUMLAH
	JUMLAH		

Tandatangan Peguam Yang Menuntut :

Cop Firma :



PEJABAT KETUA PENDAFTAR
Office of the Chief Registrar
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
Federal Court of Malaysia
ISTANA KEHAKIMAN
PRESINT 3
62506 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88803782
03-88803500
03-88803700
Faks : 03-88803886

Laman Web : <http://www.kehakiman.gov.my>

"BUAT KERJA"

Ruj Tuan :
Your Ref :

Ruj. Kami : JK/MP 38 Jld.5
Our Ref :

Tarikh : 1 April 2010
Date :

YBhg. Peguam Negara
Jabatan Peguam Negara, Malaysia
No.45, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 PUTRAJAYA

Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya/Sabah dan Sarawak
Seluruh MALAYSIA

 Presiden Majlis Peguam
No. 5, Jalan Tun Perak
50050 KUALA LUMPUR

Presiden Persatuan Undang-Undang Sabah
3rd Floor, 120 Gaya Street,
88000 Kota Kinabalu,
SABAH

Presiden Advocates Association of Sarawak
c/o Mahkamah Tinggi Kuching
Jalan Gersik
93050 Kuching
SARAWAK

YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,



ARAHAN AMALAN BIL. 2 TAHUN 2010
KADAR BAYARAN BAGI PEGUAM YANG DILANTIK OLEH MAHKAMAH

Skala bayaran seperti yang dinyatakan di dalam Arahan Amalan ini adalah menggantikan skala bayaran di dalam Arahan Amalan Bil. 2/1949, 2/1995 dan 1/2008.

"BUAT KERJA"

(Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab surat ini)

KADAR BAYARAN BARU

(1) Mahkamah Tinggi

- | | | |
|-----|---|---|
| (a) | Termasuk bayaran untuk "getting up", menemuramah tahanan dan hadir perbicaraan hari pertama | RM6,000.00 |
| (b) | Perbicaraan pada hari-hari berikutnya | RM50.00 sejam atau sebahagian daripadanya |
| (c) | Perjalanan menggunakan kereta sendiri | RM0.70 sekilometer |
| (d) | Bayaran bagi kehilangan masa dalam perjalanan bagi setiap jam atau sebahagian daripadanya di antara jam 8.30 pagi dan 5.00 petang bagi mana-mana hari termasuk juga Hari Kelepasan Am | RM25.00 sejam atau sebahagian daripadanya |
| (e) | Bayaran Tambang Teksi | Kos Sebenarnya |
| (f) | Tambang Kapal Terbang | Kelas Ekonomi |
| (g) | Sewa Hotel | Kadar Bilik Biasa yang tidak melebihi RM350.00 sehari |
| (h) | Caj fotokopi/telefon/faks/ pos kurier | RM100.00 |
| (i) | Perbelanjaan (Disbursements) | Kos Sebenar |

Bayaran-bayaran tersebut hanya boleh dituntut sekiranya Peguam telah dipanggil bertugas di luar tempat di mana ia menjalankan perniagaannya.

Bagi tuntutan bayaran kos sebenar, tuntutan tersebut hendaklah disokong dengan resit.

(2) Mahkamah Rayuan

- | | | |
|-----|--|--|
| (a) | Termasuk bayaran untuk "getting up", menemuramah tahanan dan hadir perbicaraan hari pertama | RM3000.00 |
| (b) | Perbicaraan pada hari-hari berikutnya | RM50.00 sejam atau sebahagian daripadanya |
| (c) | Perjalanan menggunakan kenderaan sendiri | RM0.70 sekilometer |
| (d) | Bayaran bagi kehilangan masa dalam perjalanan bagi setiap jam atau sebahagian daripadanya di antara jam 8.30 jam dan 5.00 petang bagi mana-mana hari termasuk juga Hari Kelepasan Am | RM25.00 sejam atau sebahagian daripadanya |
| (e) | Bayaran Tambang Teksi | Kos Sebenarnya |
| (f) | Tambang Kapal Terbang | Kelas Ekonomi |
| (g) | Sewa Hotel | Kadar Bilik Biasa yang tidak melebihi RM350.00 sehari. |
| (h) | Caj fotokopi/telefon/faks/pos/kurier | RM100.00 |
| (i) | Perbelanjaan (Disbursements) | Kos Sebenar |

Bayaran-bayaran tersebut hanya boleh dituntut sekiranya Peguam telah dipanggil bertugas di luar tempat di mana ia menjalankan perniagaannya.

Bagi tuntutan bayaran kos sebenar, tuntutan tersebut hendaklah disokong dengan resit.

(3) Mahkamah Persekutuan

- | | | |
|-----|---|--|
| (a) | Termasuk bayaran untuk "getting up", menemuramah tahanan dan hadir perbicaraan hari pertama | RM3,500.00 |
| (b) | Perbicaraan pada hari-hari berikutnya | RM50.00 sejam atau sebahagian daripadanya |
| (c) | Perjalanan menggunakan kenderaan sendiri | RM0.70 sekilometer |
| (d) | Bayaran bagi kehilangan masa dalam perjalanan bagi setiap jam atau sebahagian daripadanya di antara jam 8.30 jam dan 5.00 petang bagi mana-mana hari termasuk juga Hari Kelepasan Am. | RM25.00 sejam atau sebahagian daripadanya |
| (e) | Bayaran Tambang Teksi | Kos Sebenarnya |
| (f) | Tambang Kapal Terbang | Kelas Ekonomi |
| (h) | Sewa Hotel | Kadar Bilik Biasa yang tidak melebihi RM350.00 sehari. |
| (i) | Caj fotokopi/telefon/faks/pos/kurier | RM100.00 |
| (j) | Perbelanjaan (Disbursements) | Kos Sebenar |

Bayaran-bayaran tersebut hanya boleh dituntut sekiranya Peguam telah dipanggil bertugas di luar tempat di mana ia menjalankan perniagaannya.

Bagi tuntutan bayaran kos sebenar, tuntutan tersebut hendaklah disokong dengan resit.

(4) Saksi-saksi


Sekiranya Peguam yang dilantik untuk membela tertuduh di atas tuduhan yang melibatkan hukuman mati, memanggil saksi bagi pihak Pembela,

bayaran perbelanjaan bagi saksi-saksi tersebut adalah seperti berikut:-

- (a) Perbelanjaan biasa adalah ditanggung oleh pihak polis seperti mana lain-lain saksi dalam perbicaraan itu;
- (b) Perbelanjaan khas boleh dibayar kepada Peguam, sekiranya ia mengemukakan resit sokongan. Tuntutan boleh dibuat di bawah "Disbursements" apabila taksiran percukaian dikemukakan. Contoh perbelanjaan khas adalah seperti apabila saksi pembela dipanggil untuk bertemu Peguam di kamarnya untuk pemeriksaan. Kadar bayaran mestilah munasabah dan kelulusan bagi tuntutan taksiran percukaian bukanlah satu kemestian.

Arahan Amalan Bil. 2/1949, 2/1995 dan 1/2008 adalah dengan ini terbatal.

Arahan Amalan ini adalah berkuatkuasa 1 April 2010.



(DATUK HASNAH BINTI DATO' MOHAMMED HASHIM)

Ketua Pendaftar

Mahkamah Persekutuan Malaysia

Istana Kehakiman

PUTRAJAYA

s.k.

YAA Ketua Hakim Negara.

YAA Presiden Mahkamah Rayuan.

YAA Hakim Besar Malaya.

YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak

YA – YA Hakim
Mahkamah Persekutuan Malaysia.

YA – YA Hakim
Mahkamah Rayuan Malaysia.

YA – YA Hakim / Pesuruhjaya Kehakiman
Mahkamah Tinggi Malaya / Sabah dan Sarawak
Seluruh Malaysia.

Timbalan Ketua Pendaftar.

Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya.

Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak.

Bahagian Pentadbiran Kehakiman, Mahkamah Persekutuan Malaysia.

Perpustakaan Mahkamah Persekutuan Malaysia.